

# Pemasangan CCTV bukan jaminan tangani masalah

Seluruh negara baru-baru ini digemparkan dengan sebuah lagi klip rakaman video yang dimuat turun di laman media sosial membabitkan buli dalam kalangan pelajar sekolah. Penyebaran video klip yang menjadi bualan pada hampir semua media sosial terutama Facebook itu dikatakan membabitkan tujuh pelajar, iaitu tiga pelajar tingkatan satu, dua pelajar tingkatan dua, dan dua pelajar tingkatan tiga yang kelihatan memukul seorang pelajar darjah lima.

Klip video selama hampir tujuh minit itu telah menimbulkan rasa marah masyarakat. Polis Diraja Malaysia (PDRM) kemudian mengesahkan bahawa video klip terbabit berlaku di Asrama Anak Yatim, Kompleks Penyayang Doktor Siti Hasmah, di Jejawi, Kangar, Perlis.

Walau bagaimanapun, mengikut polis, kes terbabit adalah kes lama yang telah dilaporkan pada Jun lalu dan kertas siasatan telah pun dikemukakan kepada pihak pendakwa raya untuk tindakan lanjut. Berikutan insiden terbabit, makin banyak penyebaran video klip yang membabitkan buli dalam kalangan pelajar sekolah

membanjiri laman media sosial.

## Pembuli ingin berseronok

Apa yang menjadi isu di sini bukanlah tindakan memuat turun video klip terbabit tetapi lebih kepada isu buli yang berlaku. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang pelajar itu menjadi pembuli. Sebahagian besar daripada pembuli hanya ingin berseronok. Jangan terkejut, ada pembuli yang bangga menyatakan dia ketua buli di sekolahnya.

Ada juga pembuli menyatakan mangsa memang patut dibuli dan yang lain pula menyatakan mereka bosan dan membuli pelajar lain adalah satu cara untuk menghilangkan perasaan bosan mereka. Sebab lain mereka membuli ialah kerana berasa marah, benci, serta mempunyai dendam kepada mangsa.

Pelbagai pandangan telah dikemukakan oleh pelbagai pihak dalam negara kita bagi membendung masalah jenayah buli ini. Antara yang telah dikemukakan ialah dengan pemasangan kamera keselamatan litar tertutup ataupun CCTV di kawasan sekolah. Namun langkah ini bukanlah satu penyele-

saan yang sesuai bagi membendung masalah terbabit.

Ini kerana tidak semua tempat di kawasan sekolah boleh dipasang dengan CCTV kerana ia akan membabitkan isu sensitiviti. Wujud juga kebimbangan yang mana penggunaan kamera keselamatan boleh disalahgunakan oleh pihak tertentu bagi tujuan jenayah lain yang membabitkan kanak-kanak ataupun remaja.

## CCTV tidak selesai isu buli

Penggunaan CCTV untuk menyelesaikan isu buli tidak membawa makna jika ia boleh membawa risiko kepada kemunculan masalah jenayah lain yang lebih teruk. Pemasangan CCTV juga dilihat akan meningkatkan kos perbelanjaan pentadbiran sekolah terbabit kerana perlu mengupah pekerja bagi memantau aspek keselamatan sekolah terbabit sepanjang masa.

Pihak pengurusan sekolah tidak boleh mengharapkan guru yang kini telah pun banyak dibebankan dengan pelbagai tugas untuk duduk di depan kamera TV bagi mengawal selia aspek keselamatan sekolah melalui CCTV ini. Ini tidak termasuk

perbelanjaan bagi menambah baik serta menyelenggara CCTV terbabit yang perlu dibuat pada setiap masa.

Penggunaan CCTV juga belum tentu dapat membendung masalah terbabit. Sebagai contoh ringkas, CCTV telah pun lama digunakan untuk mengawal lalu lintas di kebanyakan jalan raya, namun ramai pemandu yang masih tidak mengambil peduli mengenainya. Apa yang boleh dilakukan bagi membendung masalah terbabit ialah dengan mengambil pendekatan lebih holistik melalui kerjasama semua pihak.

Antaranya ialah pihak pengurusan sekolah perlu mengambil pelbagai langkah kreatif bagi membendung buli dengan mengadakan sesi penerangan secara berterusan kepada semua pelajar mengenai isu terbabit, penampalan poster serta pengedaran risalah berkaitan dengan isu buli yang banyak dihasilkan oleh pihak berkuasa seperti PDRM kepada pelajar serta menjalinkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai langkah sesuai yang boleh diambil

bagi membendung isu buli ini.

Dalam kelas pula, satu peraturan kelas berkaitan dengan toleransi sifar tentang buli perlu dibentuk. Peraturan itu hendaklah menyenaraikan semua tingkah laku yang disifatkan sebagai tingkah laku buli dan apa pula hukuman yang akan diterima jika ditangkap atau dilapor melakukannya.

Selain itu, ibu bapa walaupun sibuk dengan tugas harus peka dengan keadaan semasa anak mereka dengan selalu bertanya mengenai keadaan anak mereka di sekolah serta melaporkan segera kepada pihak pengurusan sekolah jika terdapat tanda-tanda anak mereka menjadi mangsa buli ataupun adalah seorang pembuli.

Setiap anggota masyarakat juga boleh memainkan peranan yang penting dengan melapor segera kepada pihak pengurusan sekolah ataupun pihak berkuasa jika melihat sebarang tanda kewujudan buli dalam kalangan pelajar.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU),  
Universiti Sains Islam Malaysia